

Zaidatul lebur rekod 24 tahun

BERITA HARIAN 10/3/2017 p.54

→ Olimpian negara buktikan wanita terpantas di Malaysia

Oleh Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Olimpian negara, Zaidatul Husniah Zulkifli membuktikan dirinya wanita terpantas di Malaysia selepas memecahkan rekod kebangsaan acara 100 meter (m) yang berusia 24 tahun, awal pagi tadi.

Atlet dari Alor Setar itu mencatat kepantasan 11.45 saat (s) dalam Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan, sekali gus memadamkan rekod lama 11.50s milik G Shanti yang dilakukannya pada aksi Pra-Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

Kejayaan atlet yang beraksi di Sukan Olimpik Rio 2016 itu disahkan oleh ketua jurulatih olahraga kebangsaan, Zainal Abas.

Bagaimanapun, Zaidatul Husniah sekadar menamatkan saingan di tempat kedua pada aksi final Kumpulan B itu dengan acara berkenaan diungguli atlet tuan rumah, Tamzin Thomas yang mewakili University of Western Cape manakala tempat ketiga diraih Tsaone Sebele dari University of Johannesburg.

Sabtu lalu, Zaidatul Husniah, 24, sudah memecahkan rekod kebangsaan yang sudah lama bertahan itu, namun catatan

11.36s yang dicipta dalam Kejohanan AGN League 7, Pretoria, Afrika Selatan itu tidak diiktiraf kerana mendapat bantuan angin 2.5s.

Duduki tempat kedua

Seorang lagi atlet negara yang berada di kumpulan sama, S Komalam mengakhiri saingan di kedudukan keempat, namun dia berjaya mencatatkan rekod peribadi terbaik dengan kepantasan 11.72s.

Bagi acara 4x100m lelaki pula, skuad negara mengakhiri saingan di tempat kedua dengan catatan masa 40.38s manakala juara milik pasukan Afrika Selatan dengan kepantasan 39.03s serta ketiga, Western Province (40.63s).

Pasukan 4x100m wanita juga menamatkan saingan di kedudukan kedua dengan catatan 45.71s, juara milik Afrika Selatan (45.16s) dan ketiga, Universiti of Freestate, 48.08s.

Semua kejohanan berlangsung di Stadium Mangaung Athletics, Bloemfontein, Afrika Selatan.

Ia adalah kejohanan kedua disertai atlet negara di benua Afrika selepas AGN League di Pretoria, Sabtu lalu.

Ketika ini seramai 11 atlet olahraga berada di Afrika Selatan untuk sesi latihan dan pertandingan sebagai persiapan menjelang temasya Sukan SEA Kuala Lumpur, Ogos ini.

Info

Rekod acara 100 meter wanita

Kebangsaan

11.45s - dilakukan Zaidatul Husniah dalam Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan

Sukan SEA

11.28s - dilakukan pelari pecut dari Filipina, Lydia De Vega di Sukan SEA Indonesia 1987 Sukan Asia

Sukan Asia

11.15s - dilakukan pelari Sri Lanka, Susanthika Jayasinghe di Sukan Asia Busan 2002

Sukan Komanwel

10.85s - dilakukan pelari Nigeria, Blessing Okagbare di Sukan Komanwel Glasgow 2014

Sukan Olimpik

10.62s - dilakukan pelari Amerika Syarikat, Florence Griffith-Joyner di Sukan Olimpik Seoul 1988

Rekod Dunia

10.49s - dilakukan pelari Amerika Syarikat, Griffith-Joyner di Pra Sukan Olimpik di Indianapolis 1988